

SILAT/Peringkat ketiga

Siti Anida sertai 22 AUG 1987 semula latihan

JAGUH silat negara, Siti Anida Mahadi menyertai semula latihan pusat peringkat ketiga di Kompleks Sukan Kampung Pandan semalam dan menjanjikan harapan cerah pasukan kebangsaan dalam Sukan SEA di Jakarta bulan depan.

Siti Anida yang gagal mengikuti latihan pusat peringkat kedua bulan lalu, kini berpeluang menggilap kemahiran teknik serta pengukuhan rohani dan jasmani menerusi bimbingan jurulatih, Anuar Abdul Wahab sejak Isnin lalu.

Kehadirannya semalam melegakan pegawai-pegawai pasukan, berikutan kegagalannya mengikuti latihan peringkat kedua selepas mendaftar di Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Julai lalu.

Dia sebelum ini hanya dapat mengikuti latihan peringkat pertama pada 10 hingga 24 Jun lalu.

Pengurus pasukan ke Sukan SEA, Basiron Haji Hamit, berkata Siti Anida

hanya menjalani latihan secara bersendirian di bawah bimbingan Roslan Salam daripada perguruan Gayong Pathani ketika di UKM. **8. Harian (M)**

"Kegagalan Siti Anida menyertai latihan peringkat kedua mungkin menyukarkannya untuk menyesuaikan diri dengan latihan peringkat ketiga yang sedang berjalan," kata Basiron.

"Bagaimanapun, persembahannya sebagai persiapan ke Jakarta tidak mungkin terganggu kerana mendapat bimbingan pakar daripada Roslan," terangnya.

Beliau yakin Siti Anida mampu memberikan persembahan cemerlang dalam acaranya walaupun hanya membuat latihan bersendirian di UKM.

Siti Anida adalah pemenang kedua bagi Kelas D apabila tewas kepada Wan Suziana dalam pemilihan Pesilat Wanita Kebangsaan April lalu.

Pesilat ini diserapkan ke dalam skuad silat negara apabila Wan Suziana menarik diri daripada latihan pusat peringkat pertama tanpa mendapat kebenaran keluarganya.

"Silat adalah persembahan individu dan ketiadaan Siti Anida dalam latihan pusat tidak menjejaskan semangat pesilat-pesilat lain," tambahnya.